

“TIADA SEKALI-KALI AKAN MAHU MENYEMBAH ...”: PANGLIMA CHAO TING DAN PERANG KEMERDEKAAN PERLIS KEDUA

“WE SHALL NEVER BOW ... ”: PANGLIMA CHAO TING AND THE PERLIS
SECOND WAR OF INDEPENDENCE

Hazman Hassan^{1*}, Mohd Kasturi Nor Abd Aziz², Mohd Akram Dato’Dahaman @ Dahlan³, Muhammad Isyraf Ishak⁴, Syed Mohd Hilmi Syed Mohd Nazree Jamalullail⁵, Mohd Nazim Mohd Noor⁶ & Syed Abu Bakar Syed Kamal Bharin Jamalullail⁷

¹ School of Languages, Civilization and Philosophy (SLCP), Universiti Utara Malaysia, Malaysia
Email: hazman@uum.edu.my

² Faculty of Business & Communication, Universiti Malaysia Perlis, Malaysia
Email: kasturi@unimap.edu.my

³ School of Languages, Civilization and Philosophy (SLCP), Universiti Utara Malaysia, Malaysia
Email: akram@uum.edu.my

⁴ Islamic Religious Affairs Department of Perlis, Kangar, Perlis Malaysia
Email: isyrafishak13@gmail.com

⁵ Sekolah Menengah Kebangsaan Sanglang, Simpang Ampat, Perlis, Malaysia
Email: historian009@gmail.com

⁶ Perlis Islamic Religious Custom and Malay Council, Kangar, Perlis, Malaysia
Email: mohdnazim@maips.gov.my

⁷ Perlis Islamic Religious Custom and Malay Council, Kangar, Perlis, Malaysia
Email: sabnuha8887@gmail.com

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 28.06.2025

Revised date: 10.07.2025

Accepted date: 18.08.2025

Published date: 11.09.2025

To cite this document:

Hassan, H., Aziz, M. K. N. A., Dahlan, M. A. D. D., Ishak, M. I., Jamalullail, S. M. H. S. M. N., Noor, M. N. M., Jamalullail, S. A. B. S. K.

Abstrak:

Pada tahun 1821 sehingga 1842, Kesultanan Kedah telah diserang oleh Raja Ligor sehingga tercetus Perang Kedah-Siam. Perlis tidak terkecuali daripada menerima kesan secara langsung daripada perperangan besar yang memakan banyak korban sepanjang lebih dua dekad ini. Manuskrip MS85 Salasilah Perlis telah mendokumentasikan penentangan daripada seorang pahlawan bergelar Panglima Chao Ting yang melawan penjajahan Siam di Perlis. Signifikan kebangkitan Panglima Chao Ting atau nama sebenarnya adalah Tokku Qiyam, adalah amat bermakna sehingga perjuangan beliau wajar digelar sebagai Perang Kemerdekaan Perlis Kedua. Walau bagaimanapun, tidak seperti Penghulu Dol Said di Melaka, Dato’ Maharaja Lela (Perak), Tok Janggut (Kelantan), Rentap (Sarawak) dan sebagainya, Panglima Chao Ting

B. (2025). "Tiada Sekali-Kali Mahu Menyembah....": Panglima Chao Ting dan Perang Kemerdekaan Perlis Kedua. *International Journal of Law, Government and Communication*, 10 (41), 323-335.

DOI: 10.35631/IJLGC.1041021

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



tidak didendang sebagai wira kemerdekaan Perlis, jauh sekali dikenang dalam saf pejuang negara Malaysia yang menghadapi gelombang imperialisme. Oleh yang demikian, makalah ini mengusahakan pembentangan identiti Panglima Chao Ting, persepsi berkenaan beliau dan juga perjuangan beliau, yang natijahnya tertegaklah sebuah Kerajaan Wangsa Jamalullail Perlis yang berdaulat.

Kata Kunci:

Perlis, Perang Kedah-Siam, Perang Kemerdekaan, Jamalullail

Abstract:

Between 1821 until 1842, the Kedah Sultanate was invaded by Governor of Ligor or Nakhon Si Thammarat, hence the Kedah-Siamese War erupted. Without exception, Perlis state also received direct consequences from this catastrophic war that has claimed many innocent lives throughout two decades. The MS85 Salasilah Perlis Manuscript has documented the resistance from a Perlis warrior known as Panglima Chao Ting in combatting the Siamese colonialism. This Chao Ting uprising whose real name is Tokku Qiyam, is very significant that it deserves to be addressed as the Perlis Second War of Independence. However, unlike Dol Said in Malacca, Maharaja Lela (Perak), Tok Janggut (Kelantan), Rentap (Sarawak) and others has been revered, Panglima Chao Ting still remains an unsung independence hero of Perlis that is far from being best appreciated in the ranks of Malaysian independence patriots that stood bravely against the wave of imperialism. Therefore, this paper strives to present the identity of Panglima Chao Ting, the perception surrounding him as well as his bloody struggle that enabled the foundation of an independence Perlis Jamalullail Kingdom.

Keywords:

Perlis, Kedah-Siamese War, War of Independence, Jamalullail

Pengenalan

Memperkatakan Perlis dan Perang Kemerdekaan jarang-jarang dilakukan, seolah-olah topik ini merupakan sesuatu yang bersifat pinggiran, bahkan tabu dalam sejarah Perlis. Hakikatnya berbeza daripada tanggapan sedemikian kerana orang Melayu Perlis juga mengangkat senjata berputih tulang bagi mempertahankan watan dan harga dirinya. Menyedari peri pentingnya perjuangan menentang penjajahan dikenangkan dalam sejarah bagi menyemai jati diri dan patriotisme anak bangsa, penulisan ini berprakarsa mengangkat kembali pengorbanan Panglima Chao Ting dalam Perang Kemerdekaan Perlis Kedua.

Perang Kedah-Siam dan Kesannya terhadap Perlis

Perang Kedah-Siam berlaku pada awal abad ke-19 pada sekitar tahun 1821 sehingga tahun 1842 selama 21 tahun. Ketika itu, negeri Perlis dan Setul masih berada di bawah wilayah Kedah. Pada 12 November 1821, tentera Siam telah menyerang dan menjarah negeri Kedah secara tiba-tiba (Hasim & Rohani, 2019; Anderson, 1824; Booney, 1974; Tarling, 1969; Abdullah Zakaria, 1996). Dengan pelbagai kemelut yang sedang dihadapi oleh pihak Kedah, serangan pihak Siam ini menyebabkan tragedi demi tragedi menimpa Kesultanan Kedah dan rakyatnya termasuk di Perlis. Ramai rakyat jelata yang terkorban dan ada yang hidup menderita dalam ketakutan di wilayah Kedah termasuk Perlis sehingga ada yang terpaksa melarikan diri

ke Pulau Pinang, Seberang Perai dan Utara Perak. Namun ada dalam kalangan rakyat yang masih hidup terus bertahan dan berjuang menuntut kemerdekaan di bawah pimpinan tokoh-tokoh tempatan seperti Tunku Muhammad Saad (1831-1838) menentang kedudukan Siam di Kedah termasuk juga di Perlis.

Merujuk kepada sumber perisikan Ava (Burma), yang dikongsi bersama British dinyatakan bahawa Perlis dan beberapa negeri Melayu turut membantu pihak Kedah berhadapan dengan serangan Siam (Anderson, 1824). Maklumat berkenaan adalah seperti berikut:

“Warkah dari Bahasa Melayu Jawi kepada Roman Inggeris di antara Menteri Raja Ava (Burma) kepada Sultan Kedah di Pulo Penang. Dimaklumkan oleh wakil Sultan Kedah, Che Lannang dan Mahomed Ally negeri Perlis, Perak, Selangor dan Patani sedia membantu dengan memerangi tentera Siam di Kedah dalam “Perang Musuh Bisik”. Selain itu Sultan Kedah berjaya mendapatkan sokongan dari negeri Rumbow (Rembau), Rhio (Riau), Dungon, Marang, Pahang, Callantan Dan Tringano (Terengganu).”

Walaupun, belum muncul sebagai sebuah negeri, sumber Ava telah menyenaraikan Perlis sebaris bersama-sama dengan pasukan negeri-negeri Melayu yang lain iaitu Perak, Selangor dan Patani yang membantu Kedah dalam Perang Musuh Bisik. Sekiranya Perlis hanya berperanan dan dianggap sebagai daerah biasa dalam Kesultanan Kedah seperti Kuala Muda, atau Langkawi, sudah pasti Perlis tidak disebut sebaris dengan negeri-negeri Melayu yang lain dalam peperangan tersebut. Pada tahun 1838. Syed Hussin Jamalullail bersama angkatan Tunku Muhammad Saad telah menyerang tentera Siam di Kedah dan Seberang Perai. Pada April 1839, angkatan Siam seramai 5000 orang telah menyerang Alor Ganu. Serangan tersebut menyebabkan Tunku Abdullah dan Syed Hussin Jamalullail bersama 300 orang pahlawan berundur ke Kuala Kedah dan kemudian ke Perlis. James Low (1850) mencatatkan:


...A detachment of 300 en under one Sayid Hussain was encountered, defeated, and decimated. Alor Ganu was attacked and taken.

Tunku Abdullah, the ex-Raja's eldest son, and some other chiefs now allowed their men to disperse and then fled themselves to Purlis and Siamese took quiet possession of the fort...the same atrocities were perpetrated at the town of Purlis, which was reduced to ashes-thus did this chief out rival the very acts with which the Malays had overcharged the Siamese...

Perang Kedah-Siam (1821) telah menyebabkan Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II terpaksa melarikan diri ke Pulau Pinang (Gullick, 1983). Faktor serangan ini berlaku kerana Kedah enggan meneruskan penghantaran ufti kepada Siam dan dikatakan menjalin hubungan dengan Burma yang menjadi musuh ketat kepada Siam. Kedah dijadikan wilayah taklukan dan ditadbir secara langsung oleh Siam melalui para pegawai lantikan mereka. Kesan Perang Kedah-Siam terhadap Perlis telah membawa kepada proses pemisahan Perlis daripada Kedah. Pada tahun 1843, Siam telah memisahkan wilayah Perlis, Setul dan Kubang Pasu daripada Kesultanan Kedah secara rasmi. Raja Siam telah melantik Syed Hussin Jamalullail sebagai Raja Perlis yang pertama yang memerintah negeri Perlis sebagai wilayah berasingan. Pelantikan ini merupakan permulaan institusi Raja Wangsa Jamalullail Perlis sehingga ke hari ini. Pada tahun 1864, Kubang Pasu kembali kepada Kedah apabila diserahkan oleh Raja Kubang Pasu, Tunku Ishak, yakni cucunda Tunku Anum Paduka Raja Jambangan. Wilayah Setul pula akhirnya ditadbir oleh Ku Din bin Ku Meh yang lebih cenderung kepada Bangkok dan akhirnya menjadi

wilayah Siam dengan nama Satun (Wan Shamsuddin, 2014). Pengaruh Siam ke atas politik Kedah berterusan sehingga tahun 1909 yang kemudiannya diambil alih oleh kuasa British walaupun takhta legasi Kesultanan Kedah kekal bersambungan sehingga kini (Muhammad Isa, 1990).

Selain itu, kesan Perang Kedah-Siam terhadap Perlis menyebabkan berlakunya perubahan dari segi pentadbiran. Perlis bukan lagi sebuah wilayah di bawah pentadbiran Kedah, sebaliknya menjadi sebuah negeri Melayu yang berasingan dan menjalankan sistem pentadbiran tempatan di bawah seseorang raja Wangsa Jamalullail dengan pengaruh Bangkok (Ahmad & Yazid, 1992). Kedudukan Perlis menjadi lebih strategik dalam percaturan politik di Utara Semenanjung Tanah Melayu antara Siam dengan British menjelang abad ke-20. Perlis terus membentuk identiti kerajaannya yang tersendiri, termasuk dalam aspek politik dan sosio-ekonomi. Negeri Perlis di bawah pemerintahan Wangsa Jamalullail menjadi institusi diraja yang diiktiraf dan lestari hingga ke hari ini (Hazman & Mohd Kasturi Nor, 2020).



Rajah I: Senarai Lokasi Pertempuran dalam Perang Kedah-Siam di Perlis sekitar tahun 1820-an hingga 1830-an.

Sumber: Hazman Hassan & Mohd Kasturi Nor Abd Aziz (2020), *Salasilah Perlis: Asal Usul Pemerintahan Jamalullail*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka & MAIPs. Interpretasi Artis: Wan Afiq Muzani Wan Azmi

Metodologi

Kajian ini memerlukan pendekatan metodologi yang bersifat kualitatif dan analitik yang memerlukan penafsiran sumber sejarah yang bersifat naratif dan klasik. Pendekatan utama yang digunakan ialah kajian sejarah dan analisis teks. Penggunaan reka bentuk kajian kepustakaan dan arkib, yang melibatkan pencarian serta penilaian dokumen primer dan sekunder. Sumber primer merangkumi manuskrip Melayu seperti MS85 Salasilah Perlis yang diperolehi daripada Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Teknik analisis utama ialah analisis kandungan dan analisis diskursif. Dalam analisis kandungan, penyelidik mengenal pasti tema-tema utama seperti perperangan, diplomasi, dan hubungan antara kerajaan. Dalam analisis diskursif pula, naratif dan persepsi yang dibina dalam teks manuskrip dianalisis untuk

memahami sudut pandang penulis atau pihak istana. Jangka masa kajian sekitar tahun 1821-1842 semasa tercetusnya Perang Kedah-Siam yang melibatkan Perlis.

Kebolehpercayaan kajian dipastikan melalui pengesahan silang antara pelbagai versi manuskrip dan perbandingan dengan dokumen rasmi atau sumber sekunder. Ini penting kerana terdapat kemungkinan bias atau penceritaan yang berat sebelah dalam hikayat-hikayat tradisional. Etika penyelidikan turut diberi perhatian, terutamanya dalam menghormati sensitiviti warisan budaya serta mematuhi peraturan institusi berkaitan penggunaan manuskrip asal. Semua sumber akan dirujuk secara telus untuk memastikan integriti akademik penyelidikan ini. Secara keseluruhannya, metodologi kajian ini bertujuan meneliti semula peristiwa Peperangan Kemerdekaan Perlis berdasarkan MS85 Salasilah Perlis. Namun kajian ini memerlukan pendekatan yang teliti, beretika dan berasaskan disiplin ilmu sejarah dan filologi.

Perang Kemerdekaan Perlis Pertama

Perang Kemerdekaan adalah perjuangan bersenjata untuk membebaskan negeri atau negara daripada penjajahan kuasa asing (Noresah Baharom, 2010). Perang Kemerdekaan Perlis Pertama dianggarkan berlaku selewat-lewatnya pada tahun 1814 iaitu apabila Penghulu Syed Harun Ibni Syed Ahmad Jamalullail dan penduduk Perlis dengan bantuan Raja Muda Kedah, Tunku Berahim atau Tunku Ibrahim telah berjaya mematahkan serangan Tunku Embun ke atas Perlis.

Pada sekitar awal kurun ke-19, Kedah dan wilayah takluknya berada di bawah pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II (1804-1845M). Selepas kemangkatan Marhum Kayang II (Sultan Dchiauddin Mukarram Shah II) tidak beberapa lama kemudian, Tunku Ibrahim telah dilantik sebagai Raja Muda Kedah yang baharu dan diarahkan untuk menetap di Perlis. Syed Harun pula diberi tanggungjawab menjaga kawasan Arau sebagai Penghulu selepas mengahwini Tunku Sofiah, puteri Marhum Kayang II.

Raja Muda Tunku Ibrahim ini merupakan adinda seayahanda dengan Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II (Kobkua, 1990). Walau bagaimanapun, tokoh ini lebih berminat menguasai daerah Kuala Muda dan cuba merebutnya daripada kekuasaan Sultan Kedah (Mohammad Isa, 1990; Zahir, 2006). Meskipun begitu, Raja Muda Tunku Ibrahim menyokong legasi Sultan Dchiauddin Mukarram Shah II terhadap Perlis melalui anakandanya Tunku Sofiah. Justeru, dalam menghadapi persaingan Tunku Embun (Booney, 1974), Raja Muda Tunku Ibrahim dengan sedaya upaya mempertahankan hak suami Tunku Sofiah iaitu Syed Harun Jamalullail sebagai Penghulu Arau.

Tunku Embun atau nama sebenarnya Tunku Yaakob pernah mengemukakan permintaan kepada Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II untuk mendapatkan Perlis dan Setul tetapi ditolak. Penolakan tersebut menimbulkan rasa tidak puas hati Tunku Embun kerana kawasan Kota Indera Kayangan dan Perlis yang ingin dikuasainya, mahu diserahkan kepada Tunku Yusof (putera Marhum Kayang II), iaitu adinda sepupu baginda untuk ditadbir. Sebaliknya Tunku Embun hanya diberi kawasan Kota Setar. Tunku Embun kemudiannya datang menghadap Sultan Ahmad Tajuddin II sebanyak tiga kali untuk cuba mendapatkan perkenaan akan permintaannya namun tetap ditolak oleh baginda (Muhammad Hassan, 2018).

Atas faktor penolakan Sultan Kedah dan rasa tidak puas hati dengan keputusan berkenaan, Tunku Embun telah bertindak mencabar kedudukan Syed Harun Jamalullail sebagai pemerintah di Perlis. Tunku Embun menunjukkan kecenderungannya untuk menguasai Perlis dan Setul dengan mempersiapkan sebuah angkatan perang dan telah berkubu di Kodiang. Sewaktu Tengku Embun berada di Kodiang, baginda cuba mengusir Syed Harun Jamalullail dari Arau, dengan menembak meriam secara rambang ke arah kediaman Syed Harun Jamalullail (Buyong, 2019; Julie, 2002).

Serangan Tunku Embun tidak dibalas oleh Syed Harun Jamalullail. Sebaliknya Syed Harun Jamalullail telah mengirimkan sepucuk surat kepada Raja Muda Tunku Ibrahim yang berada di Kuala Muda untuk memohon bantuan sambil terus bertahan. Raja Muda Tunku Ibrahim telah mengambil tindakan pantas dengan menghimpun pasukan tenteranya untuk menyerang kubu Tunku Embun. Bergabung dengan orang-orang Perlis, serangan tersebut berhasil menyebabkan Tunku Embun berundur kembali ke Kedah. Manuskrip MS85 Salasilah Perlis mencatatkan:

“Tunku Embun bawak angkatan itu masuk ke Perlis berkubulah ia Tunku Embom itu di Kota Arau hendak diperhambatkan Syed Harun itu dari Perlis ini ditembak dengan lela autaka ke rumah Syed Harun (2) tiada lawan melainkan diberi surat khayar pergi pada Tunku Ibrahim Raja Muda ada Kuala Muda sana tinggal. Demikian itu Tunku Ibrahim Raja Muda datang mari himpun orang-orang Perlis ini ia sendiri jadi kepalanya langgar kubu Tunku Embun itu pecah lari balik ke Kedah dan Tunku Raja Muda pun baliklah ke Kuala Muda pulak”.

Tindakan Raja Muda Tunku Ibrahim jelas menyebelahi Perlis di bawah penguasaan Syed Harun dan turut membuktikan bahawa baginda mengakui keabsahan wangsa Jamalullail sebagai pemerintah Arau. Justeru, walaupun Tunku Sofiah seorang puteri, baginda merupakan satu-satunya pewaris Kota Indera Kayangan II yang masih teguh mempertahankan hak baginda di Perlis semasa berlakunya serangan Tunku Embun. Malah Tunku Ibrahim menyokong tindakan memisahkan Perlis daripada Kedah dan ini memenuhi hasrat Syed Harun Jamalullail untuk mendirikan pemerintahan Jamalullail di Perlis.

Kemudian Syed Hussin Jamalullail bertindak meneruskan hasrat berkenan dan tidak pernah berpatah balik. Baginda berjaya mendapatkan pengiktirafan terhadap Perlis daripada Sultan Kedah dan Maharaja Siam sebagai negeri berasingan serta memperoleh jaminan keselamatan daripada ancaman daripada mana-mana kerabat diraja Kedah dan pihak-pihak luar yang lain. Niat untuk menaik taraf Perlis menjadi sebuah negeri tersendiri sudah wujud sejak Syed Harun Jamalullail menjadi Penghulu Arau yang pertama lagi. Berikutan serangan dan ancaman Tunku Embun, maka tercetuslah hasrat untuk menjadikan Perlis sebagai sebuah negeri yang berdaulat dan berasingan daripada Kesultanan Kedah.

Panglima Chao Ting dalam MS85 Salasilah Perlis

Kewujudan Panglima Chao Ting dicatatkan dalam manuskrip MS 85 Salasilah Perlis yang kini berada dalam koleksi Pusat Dokumentasi Melayu DBP, Kuala Lumpur. Pada halaman 20 bagi manuskrip ini disuratkan:

“Sebermula cetera ini balik belakang pula cetera orang yang umpunya cetera ini adalah tatkala selesai daripada perang Tengku Kudin dan Tengku Kudin pun syahid dan negeri Kedah pun dapat kepada Siam pula, duduklah Raja Ligor ditempat Alor Ganu dirintah Kedah. Di dalam demikian itu ada seorang

peranakan negeri sebelah Patani diam ia di Kubang Mat Tanggok mukim Arau Perlis, maka dipanggil orang namanya Tuan Chao Ting. Titah Raja Ligor ber panggil Tuan Chao Ting itu pergi mendapatnya di Alor Ganu. Baikkah jahatkah panggilan itu tiada diketahui. Maka Tuan Chao Ting pun engganlah tiada mahu pergi mendapat Raja Ligor serta dikata buruk-buruk tiada baik, tiada sekali aku mahu menyembah Kafir Naudzubillah marah itu kerana aku duduk sembah Allah Ta'ala, demikian kata Chao Ting. Maka marah Raja Ligor bertitah kata kepada utusan pergi pula memberi tahu kepadanya kalau demikian itu boleh siap supaya kami mendatang serang dia dengan perang. Tatkala demikian itu titah Raja Ligor maka Tuan Chao Ting pun bersiaplah alat senjata ...”

Oleh yang demikian, sumber manuskrip ini mensifatkan beliau “seorang peranakan negeri sebelah Patani” yang ketika itu tinggal di Kampung Kubang Mat Tanggok (kini Jalan Rani Estate, Arau). Nama Chao Ting diperceyai bukanlah nama sebenar tetapi nama samaran dalam Bahasa Siam. Hazman dan Mohd Kasturi Nor (2020) menghuraikan:

“Chao bererti Raja atau orang bangsawan dalam Bahasa Siam. Ting pula bermaksud ‘bantahan, teguran, peringatan, membantah, memprotes, membangkang, tidak bersetuju atas sesuatu perkara. Secara literal, Chao Ting boleh diertikan sebagai ‘raja yang membantah atau memberontak’. Besar kemungkinan gelaran ini digunakan secara pejoratif, iaitu dalam konteks penghinaan oleh Siam kepada seorang wira yang dicatat dalam Salasilah Perlis sebagai penentang Siam’.

Dengan pemakaian gelaran Siam ini, wujud segelintir pihak yang tampil mendakwa bahawa Chao Ting adalah individu berketurunan Cina. Walaupun begitu, padanan terjemahan Chao Ting dengan Bahasa Mandarin mahupun dialek Cina seperti Hokkien yang paling meluas digunakan di Kesultanan Kedah dari dahulu sehingga kini, tidaklah menghasilkan keputusan yang bersesuaian sebagaimana dengan padanan terjemahan ke Bahasa Siam. Di samping itu, penggunaan gelaran Siam kepada individu beragama Islam dalam kalangan etnik Melayu bukanlah perkara yang asing di Perlis pada ketika itu. Sebagai contoh, Muhammad Yunus iaitu ayah Dato' Arau (Perdana Menteri Perlis pertama) memiliki gelaran dalam Bahasa Siam dialek Chenak iaitu Nai Bukong.


Maka tidak menghiraukan sama ada Panglima Chao Ting seorang etnik Cina, atau seorang etnik Siam mahupun etnik Melayu, tetapi yang pasti adalah beliau seorang yang beragama Islam. Justeru manuskrip MS85 merakamkan ucapan terpenting Panglima Chao Ting yang berunsur tauhid kepada Allah sebagai:

“Tiada sekali aku mahu menyembah Kafir Naudzubillah marah itu kerana aku duduk sembah Allah Ta'ala, demikian kata Chao Ting”.

Maka Panglima Chao Ting adalah seorang Muslim. Bahkan beliau menyuntik perjuangan membela agama dalam penentangan terhadap pencerobohan Perlis. Bagi Panglima Chao Ting, adalah sama sahaja antara duduk di bawah penjajahan Siam dengan menyembah orang yang engkar untuk beriman kepada Allah SWT. Pengarang manuskrip MS85 berusaha untuk menjaga “air muka” Wangsa Chakri di Bangkok dengan tidak menyebutkan nama sebenar seorang tokoh yang pernah diisythar sebagai pemberontak. Sebaliknya kecenderungan pengarang manuskrip MS85 untuk menyokong wira ini cuba dineutralkan dengan tidak

menyebut namanya yang sebenar dan “mematikannya” akibat “sakit dalam perut”. Oleh itu beliau dipanggil dengan gelaran buruk yang diberikan oleh pentadbiran ketenteraan Siam di Kedah kepadanya. Meskipun demikian, para pengarang manuskrip ini juga tidak dapat menahan diri daripada merekodkan kemenangan wira ini dalam pertempuran menentang Siam di bumi Perlis (Hazman & Mohd Kasturi Nor, 2020).

Panglima Chao Ting memiliki satu lagi nama samaran Melayu iaitu “Tokku Qiyam”. “Tokku” ialah gelaran kepada golongan Syed di Terengganu, Kelantan dan Patani. “Qiyam” dalam bahasa Arab bererti “yang menegakkan” iaitu dalam konteks ini menegakkan keadilan dan kebenaran. Maka dipercayai Panglima Chao Ting ialah tokoh dari kabilah al-Qadri yang merupakan sepupu atau saudara-mara kepada Raja Syed Hussin Jamalullail (Raja Perlis pertama) yang lahir di Chenak (kini di Songkhla) dan kemudian berhijrah dan menetap di Kubang Mat Tanggok, Arau.



Rajah II: Senarai Lokasi Penting dalam Perang Kemerdekaan Perlis Kedua.

Sumber: Hazman Hassan & Mohd Kasturi Nor Abd Aziz (2020), *Salasilah Perlis: Asal Usul Pemerintahan Jamalullail*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka & MAIPs. Interpretasi Artis: Wan Afiq Muzani Wan Azmi

Perang Kemerdekaan Perlis Kedua dan Panglima Chao Ting

Subtopik ini akan menghuraikan secara ringkas akan peristiwa yang berlaku sebelum penglibatan Panglima Chao Ting yakni Perang Kemerdekaan Perlis Pertama. Selepas itu, sumbangan Panglima Chao Ting mempertahankan Perlis dalam Perang Kemerdekaan Perlis Kedua akan dibentangkan.

Perang Kedah Siam: 1821-1842

Pada 12 November 1821, tentera Siam telah menyerang dan menjarah negeri Kedah secara tiba-tiba. Serangan pihak Siam ini menyebabkan tragedi demi tragedi menimpa Kesultanan Kedah dan rakyatnya termasuk di Perlis selama lebih 20 tahun.

Peranan Chao Ting dalam Perang Kemerdekaan Perlis II

Menurut MS 85 Manuskrip Salasilah Perlis, perang ini apabila Panglima Chao Ting diperintah datang menyerah diri kepada pentadbiran Siam di Alor Gau, Kedah. Beliau menolak dan mengumumkan jihad. Penentangan beliau terhadap Siam mendapatkan sokongan rakyat Perlis. Akhirnya, beliau berundur ke luar Perlis dan akhirnya mati “sakit dalam perut” demi menjaga air muka Siam Dinasti Chakri di Bangkok.

Kesimpulan

Wangsa Jamalullail khasnya dan rakyat Perlis umumnya tidak pernah berpatah balik. Kejayaan menghasilkan keyakinan dan bertambahnya keyakinan membuka pintu-pintu kemenangan yang lebih besar. Kejayaan Panglima Chao Ting dan para pengikutnya di Padang Imboh, Arau jelas menjadi pemangkin ke arah kewujudan Negeri Perlis di bawah pemerintahan Wangsa Jamalullail selepas itu. Maka rakyat Perlis sewajarnya berbangga dengan Panglima Chao Ting sebagai pahlawan dan pejuang kemerdekaan Perlis.

Carta I: Chao Ting dan Sumbangannya dalam Perang Kemerdekaan Perlis Kedua

Sumber: Hazman Hassan & Mohd Kasturi Nor Abd Aziz (2020), *Salasilah Perlis: Asal Usul Pemerintahan Jamalullail*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka & MAIPs.

Panglima Chao Ting dan Sumbangannya dalam Perang Kemerdekaan Perlis Kedua

Tidak banyak catatan yang merekodkan pertempuran yang berlaku di Perlis semasa Perang Kedah-Siam (1821-1842). Walaupun demikian ini tidak bermakna rakyat Perlis tidak melaksanakan perlawanan kepada pencerobohan yang dipaksakan kepada tanah tumpah darah mereka. Antara lain wujud bukti arkeologi yang boleh mengesahkan bahawa sebab-sebab untuk menentang penjajahan Siam dengan senjata adalah lebih daripada mencukupi. Sebagai contoh pada 8 Jun 1989, Pengarah Jabatan Muzium Malaysia pada ketika itu iaitu Adi Taha (1990) telah membentangkan kertas kerja dalam Seminar Ke Arah Pengumpulan Bahan-bahan Warisan Budaya Negeri Perlis di Kangar, Perlis. Beliau mencatatkan:

“Antara penemuan yang agak penting di kawasan tersebut ialah sebuah struktur yang diperbuat dari batu bata yang dipercayai adalah sebuah masjid berdasarkan kepada bentuk empat segi dan tempat mihrab menghala ke kiblat. Kedudukannya berdekatan dengan Sungai Jejawi Lama sesuai sekali kerana dengan demikian akan memudahkan orang berdayung ke masjid dan juga memudahkan mereka mengambil wuduk. Hasil kerja galicari yang dijalankan telah menghasilkan banyak tinggalan tulang haiwan, mungkin saki baki makanan atau jamuan yang diadakan di masjid tersebut. Dipercayai kawasan yang satu ketika dulu adalah makmur telah ditinggalkan akibat serangan Siam pada pertengahan abad ke-19. Besar kemungkinan masjid ini juga dimusnahkan oleh tentera Siam atau digunakan sebagai perlindungan kerana semasa lawatan ke tapak tersebut, tinggalan taring babi ditemui bersama dengan periuk tembikar”.

Justeru apabila masjid seperti di Jejawi ini dicemarkan dengan penyembelihan dan penyediaan daging sejenis haiwan yang paling diharamkan oleh agama Islam, maka tidak keterlaluan sekiranya dikatakan bahawa sebab-sebab untuk rakyat Islam bangkit dalam suatu pemberontakan berdarah terhadap Siam adalah jauh daripada mencukupi.

Dalam kaitan ini, berlaku Perlis Kemerdekaan Perlis Kedua yang dipelopori oleh Panglima Chao Ting berlaku semasa Perang Kedah-Siam (1821-1843) iaitu seawalnya pada sejurus selepas terkorbannya Tunku Kudin (nama sebenarnya Syed Zainal Abidin) selepas 1831, dan selewat-lewatnya terjadi sebelum 1843. Dengan memakai manuskrip MS85 Salasilah Perlis sebagai teks utama dan disertakan dengan pembentukan semula (reconstruction) antara lokasi yang disebut oleh teks dengan lokasi sebenar pada hari ini, ringkasan Perlis Kemerdekaan Perlis Kedua dirumuskan sebagaimana berikut.

Perang Kemerdekaan Perlis Kedua bermula apabila Panglima Chao Ting diperintah datang menyerah diri kepada pentadbiran Siam di Alor Ganu, Kedah. Walau bagaimanapun, Panglima Chao Ting menolak dan mengumumkan jihad. Tentera Siam dengan kekuatan 2000 askar dihantar ke Perlis untuk menangkap Panglima Chao Ting, menghukum serta memusnahkan pengikut dan kampungnya di Kubang Mat Tanggok, Arau.

Tentera Siam berpusat di Kok Klang, Chuping yang kini mungkin termasuk Panggas dan Guar Musang. Selepas sampai di Kok Klang, Tentera Siam bergerak ke arah kampung Panglima Chao Ting di Arau melalui jalan Kubang Perun. Pergerakan ini adalah seperti dipaparkan dalam peta yang disertakan di Lampiran.

Kemudian Tentera Siam mendirikan khemah medan di Padang Laut, yang kini berhampiran Padang Siding, Arau. Ketika ini Panglima Chao Ting dan pengikutnya melancarkan siri serangan gerila tetapi tidak berjaya menjelaskan kedudukan Siam. Beberapa pejuang Perlis telah terkorban dalam melancarkan serangan gerila ini, antaranya ayah saudara Panglima Chao Ting sendiri yang bernama Chao Sop.

Selepas itu, Kebangkitan Chuping dilancarkan di mana Panglima Chao Ting mengumpulkan orang-orang Chuping, Arau dan sekitarnya untuk berjanji setia dan bersatu melawan Siam. Kaum wanita, kanak-kanak dan golongan uzur disembunyikan di Padang Tok Sheikh Muda, Mata Ayer di mana mereka melepaskan pasukan Panglima Chao Ting ke medan perang. Pertempuran besar berlaku di Padang Imboh atau Padang Embun (dipercayai kini Padang Ringan) yang juga berdekatan Padang Siding, Arau.

Tanpa disangka-sangka datanglah pertolongan Allah apabila hujan dan ribut besar terjadi sehingga meriam dan senjata-senjata api Siam tidak berfungsi. Dalam suasana kelam kabut itu, pasukan Panglima Chao Ting telah mengamuk di mana Panglima Siam bernama Chiom Naphuang telah berjaya dijatuhkan dari belakang gajah, dan dipenggal kepalanya oleh Panglima Chao Ting dengan pedang cenangkas yang dijadikan senjata. Tentera Siam berjaya diundurkan dan pasukan Panglima Chao Ting mendapat kemenangan dalam Perang Kemerdekaan Perlis Kedua. Secara gambarajah, ringkasan kepahlawan Panglima Chao Ting dalam Perang Kemerdekaan Perlis Kedua serta lokasi-lokasi yang terlibat adalah seperti yang dipaparkan pada infografik yang dilampirkan.

MS 85 Manuskrip Salasilah Perlis menyatakan Panglima Chao Ting kemudian berundur ke luar Perlis dan akhirnya mati “sakit dalam perut”. Sekali lagi penamat ini dituliskan bagi menjaga air muka Siam Dinasti Chakri di Bangkok. Namun Panglima Chao Ting boleh sahaja kembali ke Perlis selepas perang dengan memakai identiti baharu, untuk berkhidmat dengan Raja Syed Hussin Jamalullail sebagai pembesar, penghulu dan sebagainya.



Rajah II: Senarai Lokasi Pertempuran dalam Perang Kemerdekaan Perlis Kedua

Sumber: Hazman Hassan & Mohd Kasturi Nor Abd Aziz (2020), *Salasilah Perlis: Asal Usul Pemerintahan Jamalullail*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka & MAIPs. Interpretasi Artis: Wan Afiq Muzani Wan Azmi.

Kesimpulan

Selepas Perang Kemerdekaan Perlis Pertama, diikuti dengan kemenangan Panglima Chao Ting dalam Perang Kemerdekaan Perlis Kedua, Wangsa Jamalullail khasnya dan rakyat Perlis umumnya tidak pernah berpatah balik. Kejayaan menghasilkan keyakinan dan bertambahnya keyakinan membuka pintu-pintu kemenangan yang lebih besar. Justeru muncul dan dilestarikanlah sebuah prakarsa bersama untuk mengasaskan sebuah Kerajaan Wangsa Jamalullail Perlis yang tersendiri dan berasingan daripada Kesultanan Kedah, yang direalisasikan dengan pertabalan Raja Syed Hussin Jamalullail pada tahun 1843.

Seperti juga serangan Tunku Embun dipatahkan, kejayaan Panglima Chao Ting dan para pengikutnya di Padang Imboh, Arau jelas menjadi pemangkin ke arah kewujudan Negeri Perlis di bawah pemerintahan Wangsa Jamalullail selepas itu. Sekiranya Pahang memiliki Mat Kilau, maka rakyat Perlis sewajarnya berbangga dengan Panglima Chao Ting sebagai pahlawan dan pejuang kemerdekaan Perlis. Oleh yang demikian, pihak yang berwajib khasnya Kerajaan Negeri Perlis hendaklah mengambil langkah-langkah yang relevan untuk memastikan bakti kepahlawanan Panglima Chao Ting terus dihargai dan diingati oleh rakyat Perlis.

Penghargaan

Penghargaan kepada Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) dan Salasilah Perlis atas bantuan dan dorongan dalam menghasilkan makalah ini.

Rujukan

- Abdullah Zakaria Ghazali. (1996). *Kedah 1821-1842: Perjuangan Orang Melayu Menentang Siam dalam Alam Pensejarahan Dari Pelbagai Perspektif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abu Hanifah Haris. (2021). *Perjuangan Kemerdekaan Tanah Melayu: Pengaruh Timur Tengah dan Peranan Ulama, 1910-an sehingga 1950-an*. Purba: Jurnal Persatuan Muzium Malaysia, (40), 180-200.
- Adi Haji Taha (1990). Penemuan Artifak Arkeologi dan Bersejarah di Negeri Perlis Indera Kayangan. *Jurnal Warisan Indera Kayangan*, (2), 1-4.
- Ahmad Ismail & Yazid Mat. (1992). *Perlis Indera Kayangan: Sejarah Pembentukan Sebuah Negeri Berdaulat*. Kangar: Perbadanan Perpustakaan Awam Perlis.
- Anderson, J. (1824). *Political and Commercial Considerations Relative to the Malayan Peninsula and the British Settlements in the Straits of Malacca*. National Library Board Singapore: Government by William Cox.
- Booney, R. (1974). *Kedah, 1771-1821: The Search for Security and Independence*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Buyong Adil. (2020). *Sejarah Perlis*. Edisi Semakan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Gullick, J.M. (1983). *Kedah 1821-1855-Years of Exile and Return*. The Journal of Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society (JMBRAS), 56 (2), 31-86.
- Hasim Saari & Rohani Abdul Ghani. (2019). *Perang Kedah-Siam 1821-1842: Satu Tragedi Politik dan Kemanusiaan*. Journal of Educational Research and Indigenous Studies, 2 (1), 1-16.
- Hazman Hassan & Mohd Kasturi Nor Abd Aziz (2020). *Salasilah Perlis: Asal Usul Pemerintahan Jamalullail*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka & MAIPs.
- Hazman Hassan & Mohd Nazim Mohd Noor. (2020). *Kedudukan Istimewa Manhaj Ahli Sunah Wal Jamaah dalam Perlembagaan Negeri Perlis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hazman Hassan (2024). *Perang Kemerdekaan Perlis Kedua dan Chao Ting*. Podcast Salasilah Perlis, 35 (27) Ogos, https://www.youtube.com/watch?v=_pww7C0aL4Y
- Hazman Hassan et. al. (2023). “*Hendak Diperhambat Syed Harun Itu*”: Tindakbalas Perlis Menurut Teori ‘Asabiyah Ibn Khaldun. *Jurnal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 8 (58), 177-184, <https://jised.com/PDF/JISED-2023-58-11-18.pdf>
- Julie Tang Su Chin. (2002). *Sejarah Kerajaan Perlis, 1841-1957 = History of the Kingdom of Perlis, 1841-1957*, Monographs of the Malaysian Branch, Royal Asiatic Society, 32.
- Kobkua Suwannathat-Pian. (1990). *Phongsawadan Muang Zaiburi (The Chronicle of Negeri Kedah)*. JEBAT: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies, (18), 89-118.
- Low, J. (1850). *An Account of the Origin and Progress of the British Colonies in the Straits of Malacca. The Journal of the Indian Archipelago and Eastern Asia, An Account of the Origin and Progress of the British Colonies in the East*. IV(7), 378.
- Mohammad Isa Othman. (1990). *Politik Tradisional Kedah, 1681-1942*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Mohd Nazim Mohd Noor & Hazman Hassan. (2018). Sirajul Muluk: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) di Bawah Naungan Tiga Putera Jamalullail. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka & MAIPs.
- Mohd Rizal Yaakop & Shamrahayu A. Aziz. (2015). Kontrak Sosial: Perlembagaan Persekutuan 1957 Pengikat Jati Diri Bangsa Malaysia Merdeka. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia
- Mohamed G. Khan. (1958). History of Kedah. Penang: Penang Premier Press.
- Muhammad Hassan bin Dato' Kerani Muhammad Arshad. (2018). Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah. Alor Setar: Persatuan Sejarah Malaysia cawangan Kedah (PSMCK).
- Muhammad Yusoff Hashim. (1980). Syair Sultan Mualana: Suatu Penelitian Kritis tentang Hasil Pensejarahan Melayu Tradisional. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Noresah Baharom. (2010). Kamus Dewan. Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tarling, N. (1969). British Policy in the Malay Peninsula and Archipelago 1824- 1871. Kuala Lumpur, Oxford University Press.
- Wan Shamsuddin bin Wan Yusof. (2014). Kedah Dalam Warisan Sejarah dan Budaya Nusantara. Alor Setar: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah.
- Winstedt, R.O. (1936). Notes on the History of Kedah. Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society of the Great Britain and Ireland, 14 (3), 155-189.